

## DATO' SRI KHAZALI AHMAD BERSARA DARIPADA BANK ISLAM

**KUALA LUMPUR, Jumaat, [6 Januari 2023]:** Selepas lima tahun berkhidmat, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) mengumumkan persaraan ahli Lembaga Pengarah, Dato' Sri Khazali Ahmad, berkuat kuasa 2 Januari 2023.

Dato' Sri Khazali menyertai Bank Islam sebagai Pengarah pada 2 Januari 2018. Sepanjang perkhidmatannya dengan Kumpulan, beliau telah memegang pelbagai peranan penting termasuk sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan Lembaga Pengarah, Ahli Jawatankuasa Lembaga Audit dan Ahli Jawatankuasa Lembaga Teknologi Maklumat.

Tan Sri Dr. Ismail Hj. Bakar, Pengerusi Bank Islam, berkata, "Lembaga Pengarah, Pengurusan dan warga Bank Islam ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Sri Khazali atas komiten dan sumbangan beliau sepanjang tempoh perkhidmatannya. Dalam tempoh lima tahun, bimbingan yang beliau berikan telah membantu Kumpulan untuk berkembang dengan lebih kukuh. Kami mengucapkan selamat maju jaya dalam apa juar bidang yang beliau ceburi selepas ini."

---

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**Untuk maklumat lanjut, sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di:**  
[MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my](mailto:MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my)